

Detik manis tanpa ayah

■ Bapa graduan doktor falsafah maut nahas tak sempat rai konvo anak

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

“Walaupun sukar untuk saya hadapi dugaan berat ini, namun sebagai insan normal, saya perlu tempuhnya dengan sabar dan yakin ada hikmah disebalik kejadian yang berlaku.

“Kegembiraan menerima ijazah yang akan disambut ibu dan ayah tidak menjadi kenyataan apabila kami terbabit dalam kemalangan menyebabkan bapa saya meninggal dunia,” kata pelajar warga India, C Sridathan, 32.

Dalam kejadian pada 12 Oktober lalu, penuntut antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang itu dalam perjalanan menghadiri majlis konvokesyen bersama ibu dan bapanya serta dua rakan sebelum terbabit dalam kemalangan di Kilometer 150.3, Lebuhraya Pantai Timur, Maran.

Kemalangan itu menyebabkan bapanya, R Chandramouleeswaran, 73, yang kali pertama datang ke negara ini terbunuh manakala dia dan ibunya, C Laitha, 65, mengalami cedera parah dan dua rakannya hanya cedera ringan.

“Lebih memilukan apabila

“Saya akan pulang ke India esok”
C Sridathan

la kemalangan itu meragut nyawa ayah. Saya dan ibu mengalami cedera parah dan kami dirawat di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh.

“Ibu yang mengalami kecederaan tulang belakang terlebih dulu dibenarkan keluar dan pulang ke Chennai, India. Saya yang patah tulang paha kiri terpaksa menyambung rawatan di Kuantan Medical Centre (KMC), di sini.

“Saya akan pulang ke India esok (hari ini) dan difahamkan untuk pulih sepenuhnya akan mengambil masa yang panjang,” katanya ketika ditemui selepas menerima ijazah doktor falsafah dalam bidang elektrik

dan elektronik daripada Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim di Wad Intan KMC, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP Prof Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim berkata, selain kedutaan India yang banyak membantu, UMP tidak pernah mengabaikan tanggungjawab menyediakan kemudahan diperlukan sepanjang Sridathan dirawat di sini.

“Kita simpati dengan apa ditanggung Sridathan, justeru bantuan dan sokongan sentiasa diberikan UMP.

“Pada awal kejadian, kaunseling diberikan untuk mengembalikan keyakinannya,” katanya.



DR Daing Nasir menyerahkan ijazah doktor falsafah kepada pelajar antarabangsa warga India, Sridathan yang dirawat di KMC selepas terbabit dalam kemalangan.

HARIAN METRO (SETEMPAT) 7/11/2015 m/s 34